

03 DEC 1999

Perak-Exco

EXCO PERAK, GABUNGAN LAMA DAN BARU, KATA TAJOL

KUALA KANGSAR, 3 Dis (Bernama) -- Barisan anggota exco Perak yang baru akan terdiri daripada gabungan muka-muka lama dan baru, kata Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali hari ini.

Beliau berkata beberapa anggota exco lama akan dikekalkan untuk memastikan kesinambungan projek-projek pembangunan manakala muka baru yang dicalonkan adalah bagi mendapatkan idea-idea baru.

Beliau bagaimanapun enggan memberi peratusan atau pecahan muka lama atau baru di dalam barisan exconya.

"Saya telah berbincang dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai senarai exco dan akan berjumpa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Isnin ini. Bila diluluskan saya akan jumpa Sultan Perak Sultan Azlan Shah untuk mendapatkan perkenan baginda," katanya kepada pemberita selepas istiadat mengangkat sumpah jawatannya di Istana Iskandariah di sini.

Beliau berkata jika semuanya berjalan lancar barisan exco yang baru akan mengangkat sumpah di Istana Iskandariah Rabu depan.

Mengenai formula pembahagian jawatan exco, beliau berkata ia tidak berubah iaitu Umno mendapat lima jawatan, MCA dua manakala Gerakan dan MIC masing-masing satu.

Mengenai langkah yang akan diambil untuk meningkatkan semula sokongan pengundi terutamanya daripada orang Melayu di luar bandar, beliau berkata, wakil rakyat Barisan Nasional (BN) akan diarahkan menemui penduduk di kawasan mereka sekerap boleh bagi merapatkan hubungan.

"Kalau boleh bersalamlah dengan semua penduduk luar bandar. Benda ini bukan senang tapi kita harus lakukannya." katanya.

Tajol Rosli turut memberi jaminan projek-projek yang sedang berjalan di negeri ini akan diteruskan manakala projek-projek yang dijanjikan ketika pilihan raya akan ditunaikan.

Antara projek besar yang akan diteruskan termasuk Program Tahun Melawat Perak tahun depan dan juga pewartaan sebahagian Hutan Belum sebagai Taman Negeri.

-- BERNAMA

HJ LAT